



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

TINDAKAN MAJIKAN MEMAKSA PEKERJA MENGAMBIL CUTI TAHUNAN ATAU CUTI TANPA GAJI SEBELUM DAN SELEPAS HARI KELEPASAN AM TAHUN BARU CINA 2025

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) ingin memaklumkan kepada majikan yang berhasrat untuk menutup operasi perniagaan melebihi hari kelepasan am yang diwartakan sempena Tahun Baru Cina supaya tidak memaksa mana-mana pekerja untuk mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji di dalam tempoh berkenaan.
2. KESUMA telah menerima aduan daripada pihak pekerja mengenai tindakan segelintir majikan yang memaksa pekerja-pekerja untuk mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji berikutan penutupan operasi perniagaan sebelum dan selepas hari kelepasan am sempena **Tahun Baru Cina yang jatuh pada 29 Januari 2025 dan 30 Januari 2025.**
3. KESUMA ingin menegaskan bahawa pekerja berhak untuk menentukan bila cuti tahunan yang hendak dimohon dan **majikan tidak boleh memaksa pekerja mengambil cuti tahunan atau cuti tanpa gaji bagi mengurangkan kos perniagaan.** Ini kerana cuti tahunan serta cuti tanpa gaji hendaklah diberikan atas kehendak dan permohonan pekerja sendiri.
4. Pekerja yang mendapati majikan telah menolak kelayakan cuti tahunan ataupun gajinya bagi tempoh penutupan syarikat yang melebihi hari kelepasan am, boleh melaporkan perkara ini kepada Pejabat Tenaga Kerja yang berhampiran dengan tempat pekerjaannya, sebagaimana peruntukan **seksyen 69 Akta Kerja 1955 [Akta 265].**

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
28 JANUARI 2025

LAMPIRAN**LATAR BELAKANG KESUMA**

Kementerian Sumber Manusia atau singkatannya KESUMA adalah kementerian yang bertanggungjawab kepada pembangunan kemahiran, pekerjaan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, kesatuan sekerja, perhubungan perusahaan, maklumat dan analisis pasaran buruh dan keselamatan sosial.

PERANAN & TANGGUNGJAWAB KESUMA

Membangunkan dan melahirkan modal insan yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam pasaran buruh negara ke arah meningkatkan produktiviti negara. Memastikan kelancaran operasi pasaran buruh negara. Meningkatkan kebolehpekerjaan dan penggajian tenaga kerja tempatan bagi memenuhi keperluan pasaran kerja negara. Memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni dan kondusif. Mengutamakan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Memastikan jaringan keselamatan sosial yang komprehensif, dinamik dan progresif.

JABATAN DAN AGENSI DI BAWAH KESUMA

JABATAN	AGENSI
Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	<u>Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)</u>
Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM)	<u>Institut Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH)</u>
Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)	<u>Human Resources Development Corporation (HRDC)</u>
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)	<u>Talent Corporation Malaysia Berhad (TALENTCORP)</u>
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM)	<u>Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK)</u>
Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)	
Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (JHEKS)	
Jabatan Tenaga Kerja Sabah	
Jabatan Tenaga Kerja Sarawak	

